

JANM.600-20/2/7 (4)



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA  
MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS  
KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2024**

---

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

## KANDUNGAN

1. TUJUAN .....	1
2. LATAR BELAKANG .....	1
3. PELAKSANAAN .....	2
4. HAL-HAL LAIN .....	5
5. TARIKH KUAT KUASA .....	5
6. PEMAKAIAN .....	6

JANM.600-20/2/7 (4)



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN ADILFITRI TAHUN 2024**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/ Jabatan mengenai peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 adalah sebanyak RM500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan kontrak *Contract for Service (CFS)*, *Contract of Service (COS)*, pegawai sambilan harian dan lantikan MySTEP.
- 2.2 Kadar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 sebanyak RM250.00 dipanjangkan pemberiannya kepada pesara Kerajaan (pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara KWSP, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen).
- 2.3 Surat Pekeliling ini disediakan selaras dengan peraturan berikut:
  - 2.3.1 Surat Kementerian Kewangan Malaysia kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) rujukan MOF.NBO(S)600-8/2/9 Jld.2 (28) bertarikh 1 April 2024 – Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024.
  - 2.3.2 Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/4 (43) bertarikh 1 April 2024 – Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024.

### 3. PELAKSANAAN

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) ini hendaklah dibaca bersama SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa. Pelaksanaan tatacara perakaunan bagi Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 adalah seperti berikut:

#### 3.1 Tarikh Pembayaran

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 ini akan dibayar pada **5 April 2024 (Jumaat)**.

#### 3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2024

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 menggunakan peruntukan tahun 2024. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

#### 3.3 Semakan Ke Atas Pegawai Yang Layak Menerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2024

Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab menyemak teliti dan memastikan dokumen sokongan adalah lengkap serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/4 (43) bertarikh 1 April 2024 – Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024.

#### 3.4 Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024

Terdapat dua (2) kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 iaitu melalui:

##### 3.4.1 Bayaran melalui Sistem Emolumen Berkomputer

##### (1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (AO)

- i. Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri** kepada PTJ;
- ii. Mengemaskini data Penerima Bayaran Bantuan Khas di dalam sistem setelah PTJ mengesahkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri**; dan
- iii. Memproses Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024.

**(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

- i. Menyemak **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024**. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut;
- ii. Mengemukakan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024** yang telah disahkan kepada Pejabat Perakaunan; dan
- iii. Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang **tidak layak** menerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 dengan kaedah berikut:
  - a. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas adalah tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024. Tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran emolumen bulan berikutnya bagi pegawai yang masih berkhidmat;
  - b. Kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah dibuat daripada pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, buang kerja, turun pangkat atau ditamatkan perkhidmatan dan meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024;
  - c. Kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah dibuat daripada pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS); dan
  - d. Kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah mematuhi prosedur yang telah diedarkan melalui Surat Edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bilangan 12 Tahun 2022 – Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) Ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan. Pegawai yang membuat bayaran bertanggungjawab memastikan perihal rujukan bayaran dinyatakan dengan jelas selaras dengan surat edaran berkenaan.

### 3.4.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E)

#### (1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan

Pejabat Perakaunan hendaklah memantau dan mendapatkan pengesahan PTJ untuk memastikan PTJ menyempurnakan Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) bagi pegawai yang tiada dalam Sistem Emolumen Berkomputer.

#### (2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada **5 April 2024**.
- iii. PTJ hendaklah memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).

3.5 Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 akan menjadi tanggungan Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

3.6 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

#### 3.6.1 Cukai Pendapatan

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 tidak dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

#### 3.6.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "Upah" sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). Sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

### 3.6.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 ini tidak perlu dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

### 3.7 Kod Urus Niaga

Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

## 4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)  
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
 Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan  
 No.1, Persiaran Perdana  
 62594, Presint 2  
 Putrajaya  
 u.p : Unit Pengurusan Prestasi  
 Email : unit\_prestasi@anm.gov.my  
 No. Tel : 03-8882 1624/1612/1622/1611

## 5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

## 6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR YATI BINTI AHMAD C.A.(M))**

Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PUTRAJAYA

4 April 2024

s.k:

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Ketua Audit Negara  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Semua Bendahari Negeri/Akauntan Negeri  
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)